

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Pengusaha makanan di rumah digalak daftar KKM

Penyenaraian beri pilihan produk dalam platform p-halling diyakini selamat

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahrzki@bh.com.my

Sepang: Pengusaha dan pengendali makanan yang beroperasi di rumah, digalak mendaftar dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi makanan yang disediakan untuk pengguna.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata blarpun tidak diwajibkan, namun penyenaraian itu dapat memberi pilihan kepada pengguna untuk memilih produk makanan yang dijual dalam platform perkhidmatan penghantaran makanan (p-halling) yang diyakini selamat.

ling) yang diyakini selamat.

Ketika ini, penyenaraian itu masih dibuat secara sukarela, yang boleh disemak melalui laman sesawang KKM.

KKM perlu sentiasa berada di hadapan kelok perubahan teknologi makanan yang antara lain termasuk perubahan kepada gaya hidup masyarakat yang menyaksikan banyak permintaan makanan melalui platform dalam talian.

Ketika ini lebih banyak perniagaan yang beroperasi dari rumah (homebase) berikutan perubahan gaya hidup sepanjang pandemik COVID-19.

"Ia memerlukan kualiti makanan dan semakan kepada kualiti yang memastikan Keluarga Malaysia dapat makanan yang selamat.

"Sebab itu, kita ada penyenaraian pengendali makanan dari rumah. Ini bukan sijil wajib tetapi kita galakkan supaya mereka ada dalam senarai KKM," katanya selepas merasmikan Hari Keselamatan Makanan Sedunia

Peringkat Kebangsaan, semalam.

Khairy berkata, KKM menyedai permohonan yang mudah untuk pengusaha terbabit supaya mereka disenaraikan di Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKQM) Kementerian itu.

Apabila membuat permohonan, katanya, pengusaha perlu menunjukkan mereka menepati protokol keselamatan dan kualiti makanan yang ditetapkan KKM, termasuk dari segi keselamatan dan penyediaan serta persekitaran.

Katanya, ia termasuk mengambil suntikan diperlukan dalam penyediaan makanan seperti yang dikenakan terhadap pengusaha restoran dan kedai makan.

Pada masa sama, Khairy berkata, KKM juga sentiasa mengawal dan memantau penjualan makanan dalam talian termasuk makanan sudah diproses yang diimport.

"Dari masa ke semasa, BKQM akan buat ujian terhadap kualiti makanan terbabit untuk memas-

tikan kualitinya terjamin.

"Jika ada aduan dan tidak melepasi piawaian dan standard yang ditetapkan BKQM, ia akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk memastikan produk itu tidak dijual lagi dalam talian.

"Kuasa mengawal selia (penjualan melalui platform dalam talian) bawah SKMM. Kita bekerjasama rapat dengan SKMM jika ada aduan daripada pengguna mengenai makanan tercemar atau tidak melepasi piawaian ditetapkan maka tindakan akan dikenakan," katanya.

Selain itu, Khairy berkata, pihaknya sedang meneliti beberapa pindaan terhadap akta sedia ada membabitkan makanan ketika masyarakat kini juga bergantung dengan pelbagai teknologi pengeluaran makanan termasuk penghasilan sumber makanan dalam makmal seperti daging.

"Terdapat beberapa pindaan yang sedang diteliti KKM terma-

suk status BKQM sama ada di kekal atau dinaik taraf sebagai pihak berkuasa keselamatan makanan," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Khairy berkata, pengurusan hospital termasuk ketua jabatan perlu segera melaporkan kepada Bahagian Sumber Manusia KKM jika berlaku kekurangan tenaga kerja di tempat masing-masing, bagi membolehkan tindakan segera diambil untuk mengisi kekosongan.

"Kalau tak cukup (tenaga kerja) jabatan kena bagi tahu kita supaya Bahagian Sumber Manusia boleh ambil tindakan. Ini sesuatu yang saya sendiri tidak puas hati dan tahu bukan satu kes terpencil.

"Bahagian Sumber Manusia KKM sememangnya sedia upaya meluluskan permohonan pertukaran terutamanya membabitkan pertukaran duka lara. Blarpun tidak mampu meluluskan 100 peratus permohonan, pihaknya akan cuba memenuhinya," katanya.



Khairy melepaskan konvoi peserta motosikal khidmat penghantaran makanan (p-halling) pada Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan, semalam. (Foto BERNAMA)

Cari alternatif jika bekalan ubatan terus berkurangan

Sepang: Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin sudah mengarahkan Bahagian Perkhidmatan Farmasi kementerannya dan pengeluar ubat-ubatan mencari bekalan alternatif sekiranya kekurangan stok ubat dalam negara berterusan.

Beliau mengakui, ada kekurangan ubat-ubatan tertentu di klinik swasta dan farmasi, terutama bagi demam, batuk, selesema dan cirit-birit serta antibiotik.

"Ada sedikit kekurangan di klinik swasta dan farmasi, terutama ubat-ubat membabitkan demam, batuk, selesema dan cirit-birit serta antibiotik, tapi saya sudah arahkan Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan pengeluar ubat-ubatan untuk mencari bekalan alternatif sekiranya kekurangan ini berterusan," katanya.

Memberitahu demikian kepada media selepas merasmikan Hari

Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan, di sini semalam, Khairy berkata, beliau juga sudah mengarahkan Bahagian Perkhidmatan Farmasi melihat semua maklum balas dalam sesi libat urus dengan persatuan farmaseutikal pada 2 Jun lalu.

Sesi libat urus dengan industri farmaseutikal membabitkan Persatuan Industri Farmaseutikal Malaysia (MOPF), Persatuan Farmasi Malaysia (PhAMA) dan Persatuan Pembekal Farmaseutikal Malaysia (MAPS).

Khairy berkata, antara maklum balas diterima adalah mencari sumber alternatif termasuk di negara yang belum pernah di terokai untuk mengatasi kekurangan ubatan yang disuarakan persatuan terbabit.

"Untuk jangka sederhana dan panjang, saya minta ketua setiausaha KKM lihat apa strategi kita

jika gangguan bekalan ubat-ubat berlarutan.

"Sama ada kita dapat cari sumber baharu dari negara baharu atau bekerjasama dengan industri farmaseutikal tempatan supaya mereka dapat bangunkan rantai talian agar (bekalan ubat dan bahan mentah untuk ubat) tidak terjejas pada masa depan. Ini ambil kira banyak bahan mentah kita kena import," katanya.

Mengenal bekalan ubat-ubatan di hospital dan klinik Kementerian Kesihatan (KKM), beliau berkata, fasiliti kesihatan berkenaan masih mempunyai bekalan mencukupi.

"Di peringkat fasiliti kesihatan KKM, (ubat) masih mencukupi, buat masa ini tiada masalah, namun fasiliti kesihatan swasta sedang mengalami kekurangan sesetengah jenis ubatan ketika ini," katanya menegaskan KKM

sentiasa memantau stok ubatan untuk kegunaan semua hospital dan klinik kerajaan.

BH menerusi laporan muka depan pada 2 Jun lalu melaporkan, beberapa jenis ubat-ubatan dikesan mengalami kekurangan di pasaran, termasuk di klinik swasta berikutan kegagalan pembekal dari luar negara menghantar bekalan mengikut tempoh yang ditetapkan akibat kekurangan bahan mentah.

Antara ubat yang didakwa mengalami kekurangan adalah ubat batuk, demam dan antibiotik yang disifatkan penting untuk rawatan harian pesakit, selain ubat untuk merawat penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) disebabkan peningkatan kes itu di seluruh negara.

Kekurangan itu diakui Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDİM), Persatuan Farmasi Ma-

laysia (MPS), pengamal perubatan di klinik swasta dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA).

Susulan itu, Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi KKM, Norhaliza A Halim pada 3 Jun lalu memberitahu, pihak pengilang meningkatkan kapasiti pengeluaran beberapa jenis ubat terutama untuk kegunaan kanak-kanak bagi memenuhi permintaan tinggi di pasaran.

Katanya lagi, Kementerian itu juga sedang mendapatkan maklum balas lanjut daripada pihak industri berhubung status sebenar bekalan ubat-ubatan yang dihasilkan di Malaysia atau diimport serta isu yang berkaitan dengannya.

Ia termasuk mengadakan perjumpaan dengan industri farmaseutikal bagi membincangkan mengenai kekurangan bekalan ubat seperti yang dilaporkan sebelum ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Kes HFMD melonjak 32 kali ganda

**KKM kesan
tiga virus utama
sebabkan
penularan**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman,
Noorazura Abdul Rahman
dan Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 32,846 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dilaporkan di seluruh negara setakat Sabtu lalu, peningkatan 32 kali ganda berbanding tempoh sama 2021.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ketika COVID-19 pada tahun lalu, jumlah penyakit HFMD yang dilaporkan adalah 2,485 kes.

Secara keseluruhan, katanya, peningkatan kes HFMD disumbangkan oleh Selangor dengan 28.13 peratus atau 23,305 kes, diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (9,540), Perak (3,032), Kelantan (5,782) dan Johor (5,234), manakala negeri lain melaporkan 4,600 kes.

"Kes HFMD banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak berusia enam tahun ke bawah, iaitu 74,841 kes atau 90 peratus, diikuti kumpulan usia tujuh hingga 12 tahun dengan 6,520

kes atau lapan peratus dan selebihnya berusia lebih 12 tahun dengan 1,485 kes atau dua peratus," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan surveilans jenis virus (enterovirus) penyebab HFMD di negara ini, KKM mengesan tiga virus utama menyebabkan penularan HFMD dalam komuniti, iaitu Enterovirus 71 (EV71), Coxsackie A6 (CA6) dan Coxsackie A16 (CA16).

Pada tahun ini, terdapat tiga kes HFMD yang dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) iaitu bagi kes pertama dan kedua, masing-masing kerana komplikasi radang otak (encephalitis) dan sehingga kini masih bawah pemantauan rapi di wad berkenaan, manakala kes ketiga dibenarkan keluar hospital 31 Mei lalu.

Beliau memaklumkan, sehingga kini, 1,746 wabak HFMD dilaporkan di Malaysia dan tiga negeri mencatatkan jumlah tertinggi iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya dengan 562 wabak, diikuti Selangor dengan 208 wabak dan Sarawak dengan 206.

Wabak dikira apabila terdapat dua atau lebih kes dalam satu lokaliti dan kes mempunyai kaitan epidemiologi serta berlaku dalam tempoh inkubasi penyakit HFMD.

"Majoriti lokasi penularan wabak adalah di taska, tabika, tadika dan prasekolah, iaitu 1,059 wabak atau 61 peratus, di-

ikuti rumah persendirian dengan 605 wabak atau 35 peratus dan juga pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 56 wabak atau 3 peratus," katanya.

Beliau juga meminta ketua jabatan dan agensi kerajaan memberi perhatian kepada cuti jagaan anak yang diberikan kerajaan kepada penjawat awam, iaitu ibu atau bapa atau penjaga anak yang disahkan HFMD dan memerlukan pengasingan.

Katanya, kemudahan itu diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian S.R.5.4.4 (Kemudahan Cuti Kuarantin) yang ditambah baik serta berkuatkuasa 4 Mac 2022 dengan HFMD antara tujuh penyakit dalam senarai.

Di Alor Setar, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan Kedah, Da-

tuk Dr Mohd Hayati Othman, berkata negeri itu mencatatkan penurunan 33 peratus kes HFMD selepas 789 kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-22, bermula 29 Mei hingga 4 Jun lalu.

"Ia berkurang berbanding 1,178 kes pada minggu sebelumnya. Setakat ini kes keseluruhan HFMD di Kedah berjumlah 4,192, namun tiada kejadian serius. Lima kluster baharu dilaporkan babit tadika dan taska yang semuanya diarah tutup mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

"Semua kes yang dilaporkan menunjukkan gejala ringan dan telah diberi rawatan pesakit luar. Tiada kes yang mengalami komplikasi teruk atau memerlukan rawatan intensif," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr Mohd Hayati berkata, daerah Kuala Muda masih menca-

tatkan bilangan kes tertinggi iaitu 946, diikuti Kubang Pasu (625), Kulim (538) dan Kota Setar (446), manakala 50 wabak HFMD dilaporkan tahun ini dengan 49 adalah di pusat pendidikan awal seperti taska, tadika dan prasekolah.

"Semua premis berkenaan juga telah diarah tutup sementara, selain ada ditutup secara sukarela bagi tujuan sanitasi dan pencegahan jangkitan. Pengusaha dan pengurusan pusat jagaan dan pendidikan awal kanak-kanak digesa melakukan pemeriksaan dan proses nyahkuman dengan kerap," katanya.

Di Georgetown, Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Pulau Pinang, Dr Norlela Ariffin, berkata hampir 4,000 kes HFMD direkodkan di negeri itu setakat ini dengan peningkatan 22 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Dalam Minggu Epid 23/2022 sebanyak 3,990 kes HFMD dilaporkan dengan daerah Barat Daya merekodkan 988 kes, diikuti Seberang Perai Tengah dengan 867 kes, Seberang Perai Utara dengan 826 kes, Timur Laut dengan 786 kes dan Seberang Perai Selatan dengan 523 kes.

"Setakat ini, tiada daerah dikategorikan zon merah dan walaupun berlaku peningkatan kes, situasi masih lagi terkawal," katanya.

Majoriti lokasi penularan wabak adalah di taska, tabika, tadika dan prasekolah, iaitu 1,059 wabak atau 61 peratus, diikuti rumah persendirian dengan 605 wabak atau 35 peratus dan juga pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 56 wabak atau 3 peratus

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Ubat demam, selesema, antibiotik susut di farmasi

Bekalan ubat kanak-kanak alami gangguan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

SEPANG – Klinik swasta dan farmasi ketika ini mengalami masalah gangguan bekalan ubat-ubatan yang melibatkan ubat biasa bagi kanak-kanak seperti demam, selesema dan antibiotik.

Disebabkan itu Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pihaknya sedang mencari strategi meneroka sumber baharu atau bekerjasama dengan industri farmaseutikal tempatan.

"Untuk jangka masa sederhana dan panjang pula, saya telah minta Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM) supaya gangguan bekalan ubatan ini kalau berlarutan, kena apa strategi.

"Sama ada cari pasaran baharu atau kerjasama rapat dengan industri farmaseutikal tempatan untuk pastikan pasaran tempatan dapat bangunkan rantaian supaya tidak terjejas," katanya pada sidang akhbar sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kekurangan bekalan ubatan yang dilaporkan pada masa ini hanya melibatkan klinik swasta dan farmasi, manakala bekalan di fasiliti KKM termasuk hospital dan klinik kesihatan masih mencukupi.

"Untuk fasiliti KKM, tiada kekurangan ubat-ubatan dan ia masih mencukupi. Kita memastikan supaya stok bekalan



KHAIRY JAMALUDDIN (kanan) bergambar bersama penunggang p-halling pada Majlis Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2022 di Sepang semalam.

di KKM mencukupi, ada sedikit kekurangan di klinik swasta dan farmasi.

"Saya sudah arahkan perkhidmatan farmasi supaya bekerjasama rapat dengan Persatuan Farmasi Malaysia dan pengeluar ubat di Malaysia supaya mencari bekalan alternatif kalau berlaku kekurangan berterusan," katanya.

Terdahulu media melaporkan isu kekurangan bekalan ubat-ubatan dan bahan mentah bagi produk farmaseutikal yang dikatakan melibatkan ubat-ubatan untuk rawatan demam, selesema, batuk, sakit tekak, antibiotik, ubat tahan sakit serta ubat-ubatan bagi mengurangkan gejala penyakit kaki, tangan dan mulut.

Pengusaha makanan di rumah digalakkan daftar dengan KKM

SEPANG – Pengusaha makanan di rumah digalakkan untuk mendaftar perniagaan mereka di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) bagi memastikan keselamatan dan kualiti makanan adalah terjamin.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, dengan mendaftar perniagaan tersebut di bawah KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), pengusaha perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian itu.

"Ta tidak wajib dan mereka yang memohon, perlu menepati protokol keselamatan dan kualiti makanan termasuk dari segi penyediaan, persekitaran dan penghantaran.

"Sebagai contoh, mengambil suntikan typhoid dan ia seperti mana di restoran. Kita akan senaraikan pengusaha ini

di dalam senarai pengusaha serta dipaparkan pada laman web KKM," katanya pada sidang akhbar sempena sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 di sini semalam.

Beliau bagaimanapun, berkata, permohonan pendaftaran dengan KKM melibatkan pengusaha makanan di rumah adalah tidak diwajibkan.

"Kita masih buat suka rela kerana tidak mahu jadi penghalang peniaga kecil dan mikro untuk memulakan perniagaan. Kita harap pelanggan akan buat keputusan bijak.

"Bukan kita kata tiada senarai KKM, makanan itu tidak selamat. Jika berdaftar lebih terjamin," katanya.

Kata beliau, setakat ini pengusaha makanan di rumah ini banyak menggunakan penghantar makanan.



PENGUSAHA makanan di rumah banyak menggunakan aplikasi penghantar makanan. – GAMBAR HIASAN

1,330 kes harian Covid-19, tiada jangkitan dikesan di Perlis



ORANG ramai mengambil peluang untuk beriadah bersama keluarga sempena cuti persekolahan di Kuala Lumpur.

PUTRAJAYA – Jangkitan Covid-19 merekodkan 1,330 kes kelmarin termasuk empat kes import, menjadikan jumlah keseluruhan kes di Malaysia sebanyak 4,516,319 kes.

Berdasarkan data pada laman web CovidNow, sebanyak 1,881 kes sembuh direkodkan dengan jumlah keseluruhan kes sembuh daripada Covid-19 sebanyak 4,458,999 kes.

"Kesemua kes harian tersebut dilaporkan di Selangor (612 kes), Kuala Lumpur (266 kes), Pulau Pinang (92 kes), Sabah (63 kes), Perak (58 kes) dan Negeri Sembilan (54 kes).

"Seterusnya Kedah (49 kes), Johor (43 kes), Melaka (30 kes), Kelantan (18 kes), Putrajaya (16 kes), Sarawak (16 kes), Pahang

(sembilan kes), Terengganu (tiga kes), Labuan (satu kes) dan tiada jangkitan baharu di Perlis," demikian maklumat yang disediakan di laman web itu.

Dalam masa sama, dua kes kematian Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kematian terkini sebanyak 35,690 kes serta satu kes meninggal dunia di luar hospital atau brought in death (BID) dengan jumlah kes BID 7,563 kes.

Sebanyak 21,630 kes aktif dilaporkan melibatkan 20,659 kes dikuarantin di rumah, 25 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 924 kes di hospital, 11 kes di unit rawatan rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 11 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEGARA

Segera lapor jika ada kekurangan tenaga kerja

Bagi mengelakkan bebanan tugas yang terpaksa ditanggung pegawai perubatan

Oleh **TUAN BUQHAI RAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
SEPANG

Pengarah dan ketua jabatan hospital perlu segera melaporkan kepada Bahagian Sumber Manusia Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) jika berlaku kekurangan tenaga kerja.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ia bagi mengelakkan berlakunya bebanan tugas yang terpaksa ditanggung pegawai perubatan.

"Apabila melihat aduan ini, saya sendiri tidak puas hati. Saya pasti ini bukan satu-satunya kes yang berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai luahan pengguna

akaun Twitter dipercayai seorang pegawai perubatan yang mendakwa isterinya yang juga pegawai perubatan di sebuah hospital di Perak terpaksa *on call* hampir setiap hari selama tiga bulan berikutan rakan sekerja sedang cuti bersalin.

Khairy berkata, Bahagian Sumber Manusia KKM sedaya upaya untuk meluluskan permohonan pertukaran terutamanya melibatkan pertukaran duka lara.

"Untuk lulus 100 peratus mungkin tidak dapat kerana kita perlu ada kekosongan di tempat yang dimohon, namun kami sedaya upaya berusaha untuk kurangkan jarak kekeluargaan," kata beliau.

Menurutnya, terdapat sedikit kelemahan pengarah hospital tersebut dalam menangani situasi tersebut.

"Saya akan melihat dan mengambil tindakan sewajarnya," ujar Khairy.

Beliau berkata, jadual kerja dan elaun *on call* pegawai perubatan akan di kaji di bawah pasukan bertindak (*task force*) untuk penyelesaian.



KHAIRY

"Kita bagi dua bulan kepada pasukan khas untuk mengeluarkan satu laporan menyeluruh.

"Mereka telah bekerja tiga minggu dan berbaki lagi lima minggu untuk siapkan laporan," katanya.

Pada perkembangan sama, Khairy menggesa pegawai perubatan untuk mengisi kaji selidik yang dihantar melalui e-mel.

"Kaji selidik ini penting kerana terdapat soalan mendalam berkenaan persekitaran kerja di KKM," katanya.

Beliau berkata, setakat ini seramai 40,000 pegawai perubatan telah memberi maklum balas.

"Kalau boleh kita mahukan lebih 60,000 responden kerana lebih banyak maklum balas maka lebih tepat maklumat disampaikan kepada pasukan bertindak," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, bekalan ubat-ubatan di fasiliti kesihatan KKM sama ada di hospital atau klinik kesihatan-KKM adalah mencukupi dan tidak berlaku gangguan bekalan.

HWCITF buat kaji selidik budaya kerja di KKM

SHAH ALAM – Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (HWCITF) sedang giat menjalankan kaji selidik dan sesi libat urus bagi mendapatkan input berhubung budaya kerja di setiap organisasi.

Pengerusinya, Profesor Datuk Dr Siti Hamisah berkata, kaji selidik yang menyasarkan anggota perkhidmatan kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilancarkan pada 27 Mei lalu akan dilanjutkan sehingga 10 Jun ini melibatkan 49,000 anggota perkhidmatan kesihatan KKM.

Menurutnya, HWCITF telah mengadakan sesi libat urus bersama lima agensi badan bukan kerajaan (NGO) untuk mendapatkan input berhubung budaya kerja di organisasi masing-masing.

"Agensi-agensi tersebut adalah Malaysian Association Of Medical Assistants, Malaysian Nurses Association (MNA), Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM), Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM) dan Malaysian Medics International (MMI)," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Katanya lagi, libat urus itu turut diadakan bersama individu yang pernah memegang jawatan tertinggi KKM, wakil Hartal Doctors dan tiga institusi pendidikan tertinggi.

"Saya berharap agar penyertaan aktif anggota perkhidmatan kesihatan KKM menjawab kaji selidik dan sesi libat urus dengan pihak berkenaan akan membantu HWCITF dalam usaha ke arah penambahbaikan budaya kerja perkhidmatan kesihatan," kata beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Sebanyak 61 peratus penularan berlaku pada kanak-kanak 6 tahun ke bawah

Kes HFMD tertinggi di KL, Putrajaya

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR

PUTRAJAYA – Kuala Lumpur dan Putrajaya menjadi negeri tertinggi mencatatkan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) iaitu 562 wabak bersamaan 32.2 peratus daripada 1,746 kes dilaporkan di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor pula berada pada kedudukan kedua iaitu 208 wabak bersamaan 11.9 peratus dan Sarawak, 206 wabak bersamaan 11.8 peratus.

Tahun ini, katanya, bagi kes terkumpul sehingga 4 Jun 2022, Selangor menyumbang jumlah kes tertinggi berbanding negeri lain iaitu 23,305 kes bersamaan 28.13 peratus.

Ujar beliau, ia diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya 9,540 kes (11.52 peratus), Perak 8,032 kes (9.70 peratus) dan Johor 5,234 kes (6.32 peratus) sementara negeri-negeri lain pelaporan kes HFMD sekitar atau kurang dari-



PENULARAN kes HFMD dikesan paling tinggi berlaku di taska, tadika dan pra sekolah. – AFP

pada 4,600 kes.

"Kes HFMD banyak berlaku kepada kanak-kanak berumur 6 tahun ke bawah iaitu sebanyak 74,841 kes (90 peratus), diikuti kumpulan umur 7 hingga 12 tahun seramai 6,520 kes (8 peratus), manakala selebihnya berumur lebih 12 tahun iaitu seramai 1,485 kes (2 peratus).

"Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di taska, tabika, tadika dan prasekolah iaitu 1,059 wabak (61 peratus) diikuti oleh rumah persendirian dengan 605 wabak (35 peratus) dan juga pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 56 wabak (3 peratus)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, Ketua Jabatan dalam perkhidmatan awam untuk mengambil berat berkenaan cuti yang diberikan mengikut peruntukan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian S.R.5.4.4 (Kemudahan Cuti Kuarantin) yang telah ditambah baik dan berkuat kuasa 4 Mac 2022.

Penjawat awam diberi cuti jika anak kena jangkitan



KANAK-KANAK di pusat jagaan dan taska perlu diberi pendedahan tentang penjagaan kebersihan diri. – GAMBAR HIASAN

PUTRAJAYA – Ibu, bapa atau penjaga yang juga penjawat awam akan diberikan cuti menjaga anak sekiranya anak mereka disahkan menghidap penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dan memerlukan pengasingan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, cuti yang diberikan ini adalah diperuntukkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian S.R.5.4.4 (Kemudahan Cuti Kuarantin) yang telah ditambah baik dan berkuat kuasa pada 4 Mac 2022.

"Penyakit HFMD merupakan salah satu penyakit daripada tujuh penyakit yang diberikan kemudahan tersebut.

"Oleh itu, KKM menyeru ketua

jabatan dalam perkhidmatan awam untuk mengambil berat berkenaan kemudahan ini dan sama-sama mengambil tanggungjawab dalam membantu kerajaan menangani penularan kes HFMD di Malaysia," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menerusi kenyataan beliau sebelum ini, orang ramai terutama ibu bapa yang mempunyai anak kecil dinasihatkan agar tidak membawa anak ke tempat-tempat yang berisiko berlaku penularan jangkitan HFMD seperti taman permainan awam.

Sementara itu, Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd. Effendy Abdul Ghani memaklumkan

kan bagi kakitangan swasta pula, pemberian cuti tersebut bergantung kepada perjanjian bersama (CA) antara kesatuan dan majikan.

Tambah beliau, tempoh cuti pula bergantung kepada kluas-khuas yang telah termaktub dalam perjanjian tersebut.

"Sama seperti kakitangan awam, pihak swasta juga membenarkan pekerjaanya mengambil cuti sekiranya anak mereka terkena penyakit berjangkit seperti HFMD dan penyakit berjangkit lain yang tersenarai dalam CA.

"Tempohnya cuti pula bergantung kepada tahap penyakit tersebut dan mengikut terma yang terkandung dalam CA antara syarikat dan majikan,"ujarnya.

RUANGAN : NASIONAL

um ini, sejumlah 65,535 kes
rekodkan setakat 28 Mei lalu
ngkatan 27 kali ganda ber-
empoh sama pada tahun 2021
ya mencatatkan 2,333 kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

Pengusaha makanan di rumah digalak daftar dengan KKM

Bagi memastikan jaminan keselamatan makanan

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
SEPANG

Pengusaha makanan di rumah (*home based*) digalakkan untuk mendaftarkan perniagaan mereka dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, langkah tersebut adalah untuk memastikan jaminan keselamatan makanan.

"Buat masa ini bukan wajib tetapi sangat digalakkan untuk mereka daftar," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Hari Keselamatan

Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan di sini pada Selasa.

Menurutnya, Kementerian menerusi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) perlu sentiasa berada di hadapan keluk perubahan teknologi makanan.

"Kita lihat banyak permintaan makanan di pelbagai platform dalam talian. Banyak perniagaan *home based* meningkat ketika pandemik kerana ramai mula bekerja dari rumah," katanya.

Tambah beliau, BKMM mempunyai tanggungjawab penting untuk melindungi orang ramai daripada bahaya kesihatan dan penipuan dalam penyediaan, penjualan serta penggunaan makanan melalui mandat diberikan di bawah Akta Makanan 1983.

"Industri makanan perlu terus meletakkan keselamatan dan kualiti makanan sebagai tanggungjawab utama bagi memastikan makanan yang di-



Khairy Jamaluddin beramah mesra dengan penunggang motosikal khidmat penghantaran makanan (p-hailing) sempena Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2022 pada Selasa.

hasilkan adalah selamat dan berkualiti.

"Produk makanan yang dihasilkan hendaklah mematuhi keperluan perundangan makanan ditetapkan agar dapat memberi jaminan keselamatan makanan kepada pengguna.

"Terdapat beberapa pindaan yang sedang diteliti KKM termasuk status BKMM sama ada dikekalkan atau dinaik taraf sebagai pihak ber-

kuasa keselamatan makanan," katanya.

Ujar beliau, BKMM akan sentiasa memantau dan melakukan ujian terhadap kualiti makanan termasuk yang dijual di dalam talian khususnya makanan diproses.

"Sekiranya terdapat aduan dan mendapati ia tidak melepaskan standard serta piawaian, BKMM bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya

Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk mengambil tindakan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai pendaftaran tersebut, beliau berkata, permohonan pendaftaran dibuka bagi memudahkan peniaga.

"Apabila memohon, mereka perlu ikut protokol ditetapkan dan kemudian akan disenaraikan dalam laman web kementerian.

"Protokol adalah sama seperti ditetapkan terhadap pengusaha restoran termasuk suntikan tifoid," katanya.

Sejak 2019, 7 Jun diisytiharkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang ke-73 sebagai Hari Keselamatan Makanan Sedunia dan tema tahun ini ialah 'Makanan Selamat, Kesihatan Terjaga'.

Ia bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan makanan bagi melindungi dan menjaga kesihatan pengguna.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : DALAM NEGERI

PUTRAJAYA: Kuala Lumpur dan Putrajaya menjadi negeri tertinggi mencatatkan wabak penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) untuk tempoh ME 22/2022 iaitu 562 wabak bersamaan 32.2 peratus daripada 1,746 wabak dilaporkan di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor pula berada pada kedudukan kedua iaitu 208 wabak bersamaan 11.9 peratus dan Sarawak, 206 wabak bersamaan 11.8 peratus.

Tahun ini, katanya, bagi kes terkumpul sehingga 4 Jun lalu, Selangor menyumbang jumlah kes tertinggi berbanding negeri lain iaitu 23,305 kes bersamaan 28.13 peratus.

Katanya, ia diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya 9,540 kes (11.52 peratus), Perak 8,032 kes (9.70 peratus), Kelantan 5,782 kes (6.98 peratus) dan Johor 5,234 kes (6.32 peratus) sementara negeri-negeri lain pelaporan kes HFMD sekitar atau kurang daripada 4,600 kes.

"Kes HFMD banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak berusia 6 tahun ke bawah iaitu sebanyak 74,841 kes (90 peratus), diikuti kumpulan umur 7 hingga 12 tahun seramai 6,520 kes (8 peratus) manakala selebihnya berusia lebih 12 tahun iaitu seramai 1,485 kes.

"Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di taska, tabika, tadika dan pra-sekolah iaitu 1,059 wabak (61 peratus) diikuti oleh rumah persendirian dengan 605 wabak (35 peratus) dan juga pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 56 wabak (3 peratus)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, ketua jabatan dalam perkhidmatan awam diminta mengambil berat berkenaan cuti yang diberikan mengikut peruntukkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Cerai-an S.R.5.4.4.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

MILD SYMPTOMS

5 HFMD OUTBREAKS AT KEDAH NURSERY

Cases breach 4,000-mark as premises ordered to shut

AUDREY DERMAWAN, FARAH SOLHI
AND AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR
ALOR STAR
news@nst.com.my

FIVE Hand Foot and Mouth Disease (HFMD) outbreaks were reported at childcare centres in Kedah, taking the tally of infections in the state past 4,000.

State Health and Local Government Committee chairman Datuk Dr Mohd Hayati Othman said all affected premises had been shut under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988.

"HFMD cases in Kedah in 2022 (up to June 4) rose to 4,192. This is a record high, which is 429 per cent more than the same period in 2019, prior to the Covid-19 pandemic," he said yesterday.

Dr Hayati said the 789 HFMD cases reported during the 22nd epidemiology week (EW22), between May 29 and June 4, was a decrease of 33 per cent compared with the week before.

"Most of the cases were reported in four districts. Kuala Muda had the most cases at 946, followed by Kubang Pasu with 625, Kulim with 588 and Kota Setar with 446.

"All of these cases displayed mild symptoms and received outpatient treatment. No cases had severe complications or required intensive treatment."

Since early this year, 50 HFMD outbreaks have been reported in Kedah, with 49 of them at childcare centres.



Datuk Dr Mohd
Hayati Othman



Dr Norlela Ariffin



Tan Sri Dr Noor
Hisham Abdullah

In Kuala Lumpur, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 82,846 HFMD cases had been recorded so far this year.

Dr Noor Hisham said this was a 32-fold increase compared with the 2,485 cases in the same period, last year, and a 1.7-fold increase compared with the 30,489 cases reported two years ago.

However, he said, the number of HFMD cases appeared to be declining.

During EW22, 16,954 cases were reported, which is a 9.3 per cent decrease from the previous week's 18,688 cases.

"As of June 4, there were 23,305 cases reported in Selangor, followed by Kuala Lumpur and Putrajaya with 9,540 cases, Perak with 8,032, Kelantan with 5,782 and Johor with 5,234," he said in a statement.

Dr Noor Hisham said 74,841 HFMD cases were detected among children aged 6 and below; 6,520 cases involved those aged between 7 and 12, and 1,485 cases aged above 12.

Dr Noor Hisham said three HFMD cases were admitted to Intensive Care Units (ICU).

"Two cases were referred to the ICU due to inflammation of the brain (encephalitis) and are still being monitored.

"The third case has recovered and was discharged on May 31," he said.

He said states or territories with the most outbreaks were Kuala Lumpur and Putrajaya with 562, Selangor with 208 and Sarawak with 206.

Up to June 4, Dr Noor Hisham said 31,621 premises had been inspected for HFMD cases.

Penang reported 3,990 HFMD cases up to EW22 — a 22-fold increase from last year's 176.

There were 1,727 HFMD cases in 2019.

Penang Health Committee chairman Dr Norlela Ariffin said the Southwest district recorded the highest number of cases at 988, followed by Seberang Prai Tengah with 867, Seberang Prai Utara with 826, Northeast district with 786 and Seberang Prai Selatan with 523.

"As of EW 22, 119 clusters were reported, which is a 16-fold increase from the same period last year. Most of the cases involved 6-year-olds, with 3,357 cases. There were 377 cases in older children, aged between 7 and 12, and 256 among those above 12," she said.

Dr Norlela said the Health Ministry advised all childcare centres to ensure cleanliness and conduct screenings at the entrance.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

SUPPLIES BEING MONITORED

'NO MEDICINE SHORTAGE AT GOVT FACILITIES'

It's private sector that's facing problems, plans being drafted to prevent recurrence, says KJ

ADIB POVERA
SEPANG
news@nst.com.my

THE Health Ministry has maintained that there is no medicine shortage at government hospitals and clinics.

However, minister Khairy Jamaluddin said the ministry was monitoring its central contracts to ensure it had sufficient medicine.

"There is still enough supply of medicine at our facilities.

"At the moment, there is a shortage of supply at private hospitals and clinics.

"I have instructed the ministry's Pharmaceutical Service Division to work closely with pharmaceutical associations and manufacturers to look for alternatives should the shortage prolong," he said after launching the National World Food Safety Day here yesterday.



A pharmacist reaching for a packet of medicine at a pharmacy in George Town, Penang, recently. FILE PIC



Health Minister Khairy Jamaluddin says raw material shortages had led to the medicine supply disruption. PIC BY MOHD FAULI HAMZAH

Khairy said he had instructed the ministry's secretary-general to formulate a medium- and long-term strategy to prevent the problem from recurring.

He said the strategy might include getting medicines from other countries, as well as working closely with local pharmaceutical industries to develop drugs.

He said the ministry had engaged stakeholders on June 2, including the Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries, Pharmaceutical Association of Malaysia and the Malaysian Association of Pharmaceutical Suppliers on the shortage of medicine.

He said the ministry was told that there were shortages of over-the-counter medication for fever, cold, flu, cough and diarrhoea as well as vitamins, especially vitamin C, and antibiotics.

"The problem arose due to a shortage of raw materials (to produce the medicines), as well as disruption related to Covid-19 where there was increase in demand during the Omicron wave that resulted in many people stockpiling medicine more than they needed.

"Other factors which contributed to the shortage in medicine included a delay in the supply

chain in manufacturing, including packaging materials.

"Please refrain from panic-buying medicines which are not immediately needed," he added.

The Malaysian Medical Association (MMA) had urged the authorities to address the shortage of medicines.

MMA president Dr Koh Kar Chai said although it was not a new phenomenon, the supply and demand situation must be corrected soon.

He said the shortage would affect patient care.

He said there was a shortage of medicines for fever, cough, colds, and hand, foot and mouth disease, as well as antibiotics and painkillers, but the Health Ministry has said there was no total supply disruption.

The Association of Private Hospitals Malaysia had said the shortage was not for all medicines, and there was sufficient stocks for life-threatening conditions.

Earlier yesterday, when launching the National World Food Safety Day 2022, Khairy encouraged home-based food operators to register with the ministry to ensure food safety.

Khairy said registration was voluntary.

1,811 RECOVERIES

1,330 Covid infections, 2 deaths as active cases dip to 21,630

KUALA LUMPUR: The Health Ministry reported 1,330 new Covid-19 cases on Monday, bringing the number of active coronavirus cases to 21,630.

The ministry's data-sharing website CovidNow showed that the cumulative Covid-19 cases were now at 4,516,319, since the coronavirus hit the country in early 2020.

The ministry also logged 1,811 recoveries on Monday, bringing the total to 4,458,999.

One Covid-19 death was reported in Johor and another in Kelantan.

The case in Kelantan was brought-in-dead to hospital.

The death toll for Covid-19 is now 35,690.

The ministry logged an average of 396 hospital admissions daily, or 12.4 per cent of Covid-19 cases, in the past week.

Currently, 95.5 per cent, or 20,659 of Covid-19 patients are on home quarantine; 4.3 per cent, or 924, are in hospitals with 22 of them in Intensive Care Units (ICU).

Eleven of the ICU patients were in need of respiratory support.

There were 25 patients in Covid-19 quarantine and treatment centres (PKRC).

The ministry also reported that 59.8 per cent of hospital beds in the country were occupied, while 57.6 per cent of ICU beds, 35.7 per cent of ventilators and 11.4 per cent of PKRC beds were occupied by Covid-19 patients.

A total of 28,853 Covid-19 tests were reported on Monday, with a 4.4 per cent positivity rate.

On an average of seven days, the ministry reported that 1,602 cases were transmitted sporadically, while seven cases were transmitted through a cluster.

A total 1,733,437 children aged 5 to 11 have been inoculated against Covid-19 with at least one dose of vaccine, and 1,202,212 of them have completed two doses.

Perak hospital's staff woes has Khairy baffled

SEPANG: A husband's complaint that his medical officer wife was overburdened at work due to staff shortage at her hospital has come to the attention of Health Minister Khairy Jamaluddin.

Khairy said he was baffled as to why the hospital administrators did not inform the ministry on the manpower shortage.

"The head of the department as well as the hospital's director should have informed the ministry if there is a shortage of man-

power at a unit in the hospital.

"This is to allow the ministry's human resources division to take action and prevent recurrence of the problem in the future.

"I am not happy with this matter.

"And, I am sure that this problem is not an isolated case," he said here yesterday when asked about the complaint raised by the husband on social media.

The man said that his wife, who works at a government hospital

in Perak, had been placed on call every day because she was the only medical officer at her unit as her colleague was on maternity leave.

The man said he lived apart from his wife due to work.

"It is our policy to try to reduce the distance of our officers who are staying apart from their family members."

"I have to admit that there is a weakness in this case in which the hospital's director should do

something and prevent the problem from prolonging.

"Nevertheless, we will look into the case and take the necessary action," Khairy said.

The minister said he had instructed the Healthcare Work Culture Improvement Task Force to look into the case.

"I have asked the task force not only to look into issues pertaining to rostering, but also allowance and other problems affecting healthcare workers."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

A healthy supply of meds

Ministry exploring other sources to mitigate disruption, shortages

By MAZWIN NIK ANIS
newsdesk@thestar.com.my

SEPANG: While pharmacies and private clinics are experiencing a "slight shortage" of some types of medicines, Malaysia's public health facilities have ample stock, says Khairy Jamaluddin.

However, to ensure supply is not disrupted, the Health Ministry "will explore new sources for medicine supply", including from countries we have not bought from previously, the minister said after attending the World Food Safety Day here yesterday.

Khairy has also directed the ministry's pharmaceutical services

division to work closely with local industry players to further develop the supply chain to deal with future disruptions.

"For public hospitals, we will continue to monitor our central contracts to ensure stock levels for medicines at our facilities are sufficient.

"I have also asked the ministry's secretary-general to look at what our strategies will be should the shortage prolong," he added.

Khairy said the pharmaceutical services division held an engagement session with industry players on June 2 to look into the medicine shortage issue. A list of medicine said to be lacking in the market was presented at the meeting, including

medications for colds, coughs, the flu, fever and diarrhoea, as well as vitamins and antibiotics.

The minister also said stronger collaboration with local pharmaceutical companies would include looking into the need for raw materials, aside from finished medicinal products.

The industry had reported that a shortage in raw materials has contributed to the supply disruption. There was also an increase in demand when there were more cases due to the Omicron variant and people began stocking up on more medicines than they needed.

Also contributing to the shortage is the fact that more countries are

emerging from lockdowns and resuming economic activities, noted Malaysian Medical Association president Dr Koh Kar Chai.

He advised the public not to panic buy and unnecessarily hoard medications which are not immediately needed.

Health Ministry pharmacy services senior director Norhaliza A. Halim said there is no overall supply shortage of pharmaceutical products and that manufacturers have also increased production capacity to meet higher demand.

Watch the video
TheStarTV.com



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDER

Ministry mulls upgrading food safety division

SEPANG: The Health Ministry is considering upgrading the Food Safety and Quality Division (FSQD) as the Food Safety Authority, said Health Minister Khairy Jamaluddin.

Speaking during a press conference after officiating at the 2022 National World Food Safety Day yesterday, Khairy said it was in line with the rapid development of technology and future needs of food safety and quality.

"I would say it is a medium-term plan," he said commenting on the proposal to upgrade FSQD.

Khairy said the proposal was also part of a study on the amendments to the Food Act 1983 (Act 281) that was currently being carried out by the ministry.

"We need to review the existing legal structure from time to time to ensure it is in line with the current needs," he added.

The Act, which came into force in March 1983, was last amended in June 2006.

It aims to protect the public against health hazards and fraud in the preparation, sale and consumption of food, and other related matters.

Meanwhile, Khairy encouraged home-based food entrepreneurs and handlers to register their business with FSQD to enable them to be listed as holders of home-based food provider certificates recognised by the ministry.

"Although it is not compulsory, the certificates provide a guarantee of safety for the food products produced," he said.

On the registration process, Khairy said every food provider had to submit supporting application documents such as a registration slip of their premises, anti-typhoid vaccination certificate, food handler training certificate from a recognised food handler training school and food label. - Bernama

Over 82,000 HFMD cases reported

KUALA LUMPUR: A total of 82,846 cases of hand, foot and mouth disease (HFMD) were reported as of the last day of epidemiological week (ME) 22/2022 (June 4), said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said this showed a 32-fold increase compared with 2,485 cases recorded in the same period last year and a 1.7-fold increase compared with 30,489 cases reported in 2019.

However, he said a total of 16,954 cases were reported nationwide during ME22 week, a 9.3% decrease compared with 18,688 cases recorded in ME21.

Noor Hisham said as of June 4,

Selangor contributed the largest number of HFMD cases, with 23,305 cases (28.13%), followed by Kuala Lumpur and Putrajaya with 9,540 cases (11.52%), Perak with 8,032 cases (9.7%), Kelantan with 5,782 cases (6.98%) and Johor with 5,234 cases (6.32%).

"Most of the HFMD cases occurred among children aged six and below, at 74,841 cases (90%), followed by those aged seven to 12, at 6,520 cases (8%) and those over the age of 12 with 1,485 cases (2%," he said in a statement yesterday.

Noor Hisham said based on surveillance, the three main viruses that caused transmission of HFMD

within the community this year were Enterovirus 71 (EV71), Coxsackie A6 (CA6) and Coxsackie A16 (CA16).

He said to date, there were three HFMD cases admitted to intensive care units (ICU).

The first and second cases were admitted to ICU due to inflammation of the brain (encephalitis) and were under close monitoring while the third case had recovered and was allowed to go home on May 31.

Meanwhile, a total of 1,746 outbreaks were reported in Malaysia with three states recording the highest number, namely Kuala Lumpur and Putrajaya at 562

(32.2%), followed by Selangor at 208 (11.9%) and Sarawak at 206 (11.8%).

"The majority of the disease outbreaks occurred in nurseries, kindergartens and pre-schools with 1,059 outbreaks or 61% of the total cases, followed by private homes with 605 outbreaks or 35% and childcare centres, with 56 outbreaks (3%," he said.

According to Noor Hisham, as of June 4 a total of 1,346 nurseries, kindergartens and pre-schools were closed, out of which 305 were closed voluntarily while 1,041 premises were closed under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988. - Bernama

Almost 40% children fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 1,202,212 or 33.9% of children aged five to 11 in the country have completed their vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) as of Monday.

According to the CovidNOW portal, a total of 1,733,437 or 48.9% of the group have received at least one dose of the vaccine.

For teenagers aged 12 to 17, a total of 2,914,353 or 93.7% have completed their vaccination while 3,009,343 or 96.8% of them have received at least one dose of the vaccine.

Meanwhile, a total of 16,106,736 individuals or 68.5% of adults in the country have taken their booster dose while 22,981,301 or 97.7% have completed two doses and 23,258,115 or 98.9% had received at least one dose of the Covid-19 vaccine.

On Monday, a total of 1,904 doses of Covid-19 vaccine were dispensed with 176 as the first dose, 1,287 as the second dose and 441 as booster dose, bringing the cumulative number of vaccines administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,991,146. - Bernama

Low participation in B40 free health screening initiative

LABUAN: Only 10.5% or slightly over 620,000 of the 5.9 million Malaysians in the bottom 40% income (B40) bracket have utilised the PeKa B40 free health screening scheme as of May 31 this year, according to ProtectHealth Corp Sdn Bhd.

In view of the low take-up, the Health Ministry-owned company

will be conducting briefings nationwide in collaboration with state health departments to raise awareness on the campaign.

ProtectHealth Corp CEO Datuk Dr Anas Alam Faizli said it was a great challenge to meet the target of getting all the 5.9 million eligible Malaysians screened.

"The PeKa B40 scheme was launched in April 2019 but there is still a big gap between the eligible number and the number of those who have utilised the scheme," he said at the Millennium Clinic here yesterday.

He said Perlis, Kedah and Kelantan had recorded the highest

screening rate at 17%, followed by Negri Sembilan with 14%, Malacca and Sarawak (13%), Perak (12%), Penang (11%) and Putrajaya (10%).

States with take-up rates below 10% are Terengganu and Sabah (9%), Johor (7%), Pahang (5%), and Kuala Lumpur, Federal Territory of Labuan and Selangor (4%). - Bernama